

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.34 (50)
Tarikh : 14 Januari 2016

**Ketua Pengarang
Daily Ekspres**

Tuan,

MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR DAILY EKSPRES BERTAJUK "SIX SIBLINGS SEEK URGENT APPROVAL FOR BIRTH CERTS" BERTARIKH 14 JANUARI 2016, KHAMIS—M.S: 12

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkit oleh Encik Mohd Shukri Abdul Aziz berkaitan beliau dan lima orang adiknya tiada sijil kelahiran.

3. Untuk makluman, pada 12.01.2016 pihak JPN Kedah telah ke rumah pengadu dan hasil semakan mendapati ibu bapa pengadu tidak pernah mengemukakan sebarang permohonan pendaftaran sijil kelahiran di mana-mana cawangan JPN. Hasil semakan juga mendapati bapa pengadu yang merupakan seorang warganegara manakala ibu kandung pengadu berstatus bukan warganegara dan tiada dokumen perkahwinan yang sah.

4. Sehubungan dengan itu, Encik Mohd Shukri Abdul Aziz telah diberikan 6 set borang daftar lewat yang perlu dilengkapkan. Kesemua borang yang telah dilengkapkan beserta dokumen-dokumen berkaitan perlulah dikemukakan di JPN berhampiran bagi membolehkan permohonan daftar lewat kelahiran diproses berdasarkan peraturan yang sedia ada.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)